

# 20 peserta sertai Kursus Eksekutif Halal



**PENSYARAH** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh selaku fasilitator ketika mengendalikan Kursus Eksekutif Halal tersebut.

**GADONG**, Sabtu, 9 Februari. - Lebih 20 peserta menghadiri Kursus Eksekutif Halal anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang berlangsung di Bilik Bankuet universiti berkenaan.

Para peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan syarikat swasta; para pemilik perniagaan, pengeluar makanan, penganjur produk, para ahli

akademik serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi tempatan dan orang awam.

Kursus disampaikan oleh Pensyarah UNISSA, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh selaku fasilitator kursus tersebut.

Kursus yang diadakan selama sehari itu dibahagikan kepada dua sesi, iaitu pagi dan petang.

Pada sebelah pagi kursus berkenaan, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh antara lain membentangkan tajuk 'Halalan Thayyiban dalam Al-Quran',

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

'Halalan Thayyiban dalam Sunah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' dan 'Falsafah Halalan Thayyiban'.

Manakala pada sesi petang pula, para peserta diberikan taklimat bertajuk 'Perkara Halal untuk Jangkauan Global' yang antaranya menyetengahkan mengenai pendidikan halal dan aplikasinya bagi industri halal global.

Kursus tersebut diadakan bertujuan untuk memperkukuhkan

pengetahuan mengenai halal dan haram dalam Islam, di samping bagi mendedahkan kepentingan falsafah Halalan Thayyiban untuk difahami serta diamalkan dalam kehidupan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan piawaian halal, peraturan berkaitan dalam industri halal dan mendedahkan pendidikan halal sebagai pengetahuan asas dalam industri berkenaan.



PROFESOR Madya Dr. Nurdeng Deuraseh (duduk, tengah) bergambar ramai bersama para peserta Kursus Eksekutif Halal anjuran UNISSA.

Minat fotografi?

# LENSA

## Pemenang minggu ini

**TAJUK : SENYUM**

Keterangan gambar : Senyuman ikhlas seorang pelajar yang terpilih mengikuti Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan'.

**Tajuk-tajuk yang akan datang ialah:**

- 1) 'Bendera atau Anak Merdeka' - Tarikh Tutup : 23 Februari 2019
- 2) 'Suasana Sambutan Hari Kebangsaan' - Tarikh Tutup : 9 Mac 2019
- 3) 'Aktiviti Cuti Persekolahan' - Tarikh Tutup : 23 Mac 2019

**Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 50 perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui emel [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
4. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
5. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00

Kamera : CANON EOS 5D MarkII, ISO 4000, f/5.6, 1/64sec  
 Nama Penuh : Haji Mohammad Yusof Mohammad Yassin. Alamat : No.28, Simpang 64-28, Jalan Pengasing, Kampong Sengkarai, Tutong TA2341 Brunei Darussalam.